

## NILAI KEMANUSIAAN DALAM KUMPULAN CERPEN *TĀMARAI ILAIKAḶ* KARYA PAAVAI MENGIKUT PERSPEKTIF TEORI *TIRUKKURĀḶ*

Veno a/l Supaya  
Manonmani Devi a/p M.A.R Annamalai

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan untuk menjelaskan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Tāmarai IlaikaḶ karya Paavai mengikut perspektif teori TirukkuraḶ. Sumber utama kajian ini adalah kumpulan cerpen Tāmarai IlaikaḶ yang dikarya oleh Paavai. Pendekatan teori TirukkuraḶ digunakan sebagai penganalisis nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen Tāmarai IlaikaḶ karya Paavai. Pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kaedah perpustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah kajian lapangan. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif berlandaskan nilai kemanusiaan teori TirukkuraḶ. Huraian deskriptif berdasarkan data-data yang diperolehi daripada analisis kandungan. Hasil kajian ini menunjukkan nilai kemanusiaan yang terkandung dalam kumpulan cerpen Tāmarai IlaikaḶ karya Paavai berdasarkan perspektif teori TirukkuraḶ, analisis nilai kemanusiaan dalam konteks cerpen Tāmarai IlaikaḶ karya Paavai berdasarkan perspektif teori TirukkuraḶ, dan menjelaskan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen Tāmarai IlaikaḶ karya Paavai berdasarkan perspektif teori TirukkuraḶ. Kesimpulannya, dapatan kajian ini telah membuktikan kumpulan cerpen Tāmarai IlaikaḶ karya Paavai mengandungi nilai kemanusiaan yang berdasarkan perspektif teori TirukkuraḶ.*

Kata kunci: Nilai, Kemanusiaan, Cerpen, *TirukkuraḶ*

### PENGENALAN

Mengenai perkembangan sastera tamil di Tanah Melayu, masyarakat India di Malaysia, pada awalnya terdiri daripada ahli perniagaan, duta politik dan ahli falsafah. Mereka tidak berusaha untuk membentuk tamadun di Tanah Melayu disebabkan mereka tidak bermastautin tetap (Mahajani, Usha, 1973). Tahap perkembangan bahasa Tamil dalam kalangan masyarakat India bergantung pada hasil penciptaan karya bangsa India. Mereka menggunakan bahasa Tamil sebagai alat pertuturan dan berusaha mengembangkan peradaban serta memajukan kesusasteraan Tamil mengikut peredaran masa (Akilan, 2002). Menurut Siti Aisah Murat (2009), cerpen diberi definisi ringkas sebagai ciptaan seni yang indah, disampaikan melalui bahasa, latar, plot, sudut pandangan dan watak terpilih. Semua unsur cerpen ini boleh dijadikan sebagai wahana nilai kemanusiaan yang boleh memberikan ganjaran positif kepada pembaca. Cerpen dikategorikan sebagai genre sastera. Cerpen ialah genre sastera yang paling popular dalam kesusasteraan moden sejak abad ke-18. Namun, pada abad ke-20 sahaja cerpen tamil yang berasaskan tatabahasa mula diterbitkan. Cerpen mencerminkan latar belakang sesebuah masyarakat. Ia juga berperanan menggambarkan kehidupan masyarakat dengan mentokok tambah unsur-unsur keindahan alam (Murasu Nedumaran, 1997). Cerpen selalunya berasaskan satu tema utama dan disusuli dengan beberapa persoalan. Cerpen dapat dibaca dalam lingkungan masa tiga puluh minit hingga sejam. Kebiasaannya cerpen lebih ringkas berbanding novel. Perwatakan yang diwujudkan dalam cerpen boleh mewakili seseorang atau lebih. Melalui cerpen, pengarang berpeluang menyampaikan segala unsur nilai kemanusiaan yang berkaitan dengan isu-isu persekitaran dan semasa kepada masyarakat. Perkara ini membolehkan pengarang membincangkan isu-isu dan maklumat tentang cara hidup masyarakat, nilai kemanusiaan di kalangan sesebuah masyarakat, masalah sosial, ekonomi mahupun politik. Faktor bahasa yang mudah membolehkan para pembaca dapat menumpukan perhatian terhadap cerpen. Penghasilan karya dengan bahasa yang mudah menjadi faktor pembaca gemar membaca cerpen berbanding dengan karya yang lain (Premavathi, 2004). Cerpen bukan sahaja mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat, malah dengan pengarangnya. Proses kepengarangan penulis berhubung rapat dengan pengalaman beliau dalam masyarakat dan persekitaran. Pengarang juga akan mengolah dengan memberikan pandangan dengan cara tersendiri supaya karya yang dihasilkan akan menjadi lebih menarik dan lebih bermakna (Mana Sikana, 2013).

### LATAR BELAKANG

Menurut Jesuthas (2010), sastera merupakan suatu unsur yang menceritakan kisah manusia secara teratur. Genre-genre ini menjadi panduan untuk mencerminkan kebudayaan masyarakat serta menjadi alat untuk memperlihatkan aliran pemikiran sesuatu masyarakat. Oleh hal sedemikian, sastera boleh dijadikan sebagai bahan bukti bagi mewujudkan dokumen-dokumen rasmi yang mengisahkan kehidupan manusia secara menyeluruh dalam sesebuah masyarakat. Para pengkaji antropologi dan sosiologi menitikberatkan bahan sastera sebegini sebagai bukti untuk memaparkan sosiobudaya sesebuah masyarakat. Abad ke-18 merupakan abad yang penting dalam perkembangan sastera tamil moden. Novel dan cerpen dari barat mula meresap dalam sastera prosa. Perkara tersebut turut memberi impak dalam kesusasteraan tamil dengan berubah wajah dari klasik ke moden.

### PERNYATAAN MASALAH

Kajian ini meneliti tentang nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen karya Paavai. Salah satu unsur yang penting dalam struktur penulisan cerpen ialah watak. Watak yang baik menjadikan perjalanan cerita lebih menarik untuk dibaca serta menghidupkan realiti cerita tersebut. Selain itu watak-watak di dalam cerpen turut membantu menyampaikan tema pengarang dengan lebih jelas menerusi perwatakannya. Tidak keterlaluan jika dikatakan cerpenis pada masa kini kurang memberi penekanan terhadap perwatakan watak dalam cerpen masing-masing (Anushea Veni, 2015). Paavai yang menyedari kekurangan cerpen sebegini di

dunia sastra telah mengambil langkah untuk mengubahnya. Beliau mengarang karya sastra yang berpotensi memaparkan nilai kemanusiaan melalui watak-watak cerpen. Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen beliau secara tidak langsung menunjukkan interaksi manusia di dalam masyarakat.

Malaysia masih sebuah negara membangun. Perubahan-perubahan besar telah memberi banyak impak positif dari segi ekonomi, pembangunan, perindustrian dan sebagainya. Walaupun negara kita telah mencapai pelbagai kejayaan yang boleh dibanggakan namun tidak keterlaluan jika dikatakan negara kita masih lemah dalam menangani masalah keruntuhan akhlak dalam kalangan masyarakat. Kebelakangan ini, banyak masalah telah melanda di negara kita terutamanya masalah yang berkaitan gejala sosial yang melibatkan keruntuhan akhlak remaja yang kejam dan ganas sehingga sanggup melakukan pelbagai perbuatan seperti merogol, membunuh, membakar mangsa serta membuang mayat di merata tempat. Kebanyakan golongan ini mudah terpengaruh dengan anasir luar terutamanya dari negara-negara Barat. Keadaan ini telah menyebabkan golongan ini tertarik dengan tindakan yang tidak berperikemanusiaan. Perbuatan sebegini akan menghancurkan masa hadapan generasi muda negara kita (Utusan Malaysia, 3 Jun 2015). Dengan ini ternyata bahawa pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan sangat perlu untuk menyokong teras pembentukan individu, terutamanya dari segi pemupukan ilmu, kemahiran dan nilai kemanusiaan yang berkaitan dengan aspek intelek dan emosi.

Pada masa kini, generasi muda kurang memahami nilai-nilai dan adat ketimuran orang India (Anushea Veni, 2015). Hal ini sedemikian, nilai kemanusiaan yang ditonjolkan melalui watak-watak dalam kumpulan cerpen Paavai juga mempunyai persamaan dengan nilai-nilai dan adat ketimuran orang India. Kajian tentang nilai kemanusiaan amat sesuai untuk dilakukan kerana kepentingan untuk menanam nilai kemanusiaan dalam kalangan generasi muda dapat dipenuhi dengan membaca cerpen-cerpen Paavai. Generasi muda mahupun masyarakat tidak menghayati nilai-nilai kemanusiaan seperti menjaga nama baik keluarga, tidak menyakiti perasaan orang lain, mengembangkan sikap kesopanan, menjunjung hak asasi manusia dan banyak lagi dalam kehidupan seharian (My Metro, 15 Januari 2018). Bagi mengatasi kekangan ini, cerpenis mengarang pelbagai cerpen yang berdasarkan kepada nilai-nilai kemanusiaan tersebut. Kesemua nilai yang digambarkan melalui watak-watak di dalam cerpen dipercayai dapat memberikan penghayatan yang lebih menyeluruh. Oleh itu, pengkaji harus menegaskan bahawa pemilihan tajuk kajian ini amat sesuai dengan peredaran zaman moden masa kini. Kajian berkaitan nilai kemanusiaan perlu dilakukan terhadap kumpulan cerpen Paavai agar generasi muda kini mengenali nilai kemanusiaan masyarakat India yang terdapat di dalamnya.

## TUJUAN KAJIAN

Terdapat beberapa kepentingan yang mendorong pengkaji melakukan kajian ini. Melalui kajian ini pengkaji dapat mengetengahkan hasil karya terbaik penulis terkenal iaitu Paavai. Kajian ini diharap dapat mengukur sejauh manakah mesej kemanusiaan yang hendak disampaikan oleh Paavai dapat dieksplotasi oleh pengkaji. Kajian ini juga diharap dapat dijadikan sebagai garis panduan kepada penghayatan isi cerpen yang menampilkan nilai kemanusiaan.

Selain itu, dengan mengkaji nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen Paavai, kehidupan masyarakat Tamil keturunan India dari tahun 1989 hingga 2006 dapat dikupas daripada cerpen-cerpen yang ditulis dalam jangka masa tersebut. Dalam kajian ini, nilai kemanusiaan merupakan nilai yang penting kerana ia mencerminkan isu dan masalah, perubahan dalam diri sendiri, keluarga dan masyarakat, pendidikan, politik, kesempitan dan kemiskinan masyarakat di ladang dan pinggir bandar. Permasalahan yang wujud dalam kumpulan cerpen banyak memaparkan persoalan atau isu-isu yang sering berlaku di kalangan masyarakat pada masa kini. Ia dapat membantu pembaca untuk menangani masalah kehidupan secara rasional.

Kajian ini berfokus di negara Malaysia kerana, cerpen-cerpen yang dikarya oleh Paavai berasal dari Malaysia. Karya yang dihasilkan oleh beliau berlaku dikalangan beliau dan masyarakat keturunan India di Malaysia. Pengkaji juga memilih cerpen-cerpen karya Paavai sebagai subjek kajian kerana kesemua cerpen Paavai bukan sahaja diasil daripada imaginasi pengarang, sebaliknya daripada pengalaman pengarang sendiri.

Hasil kajian ini turut menyumbang dari segi keperluan pendidikan dan pengajaran. Penekanan nilai-nilai kemanusiaan yang diterapkan dalam cerpen dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh pembaca. Penggarapan nilai-nilai kemanusiaan ini boleh membantu untuk membina keperibadian yang mulia, budi pekerti yang luhur dan memupuk pemikiran yang matang bagi melahirkan warganegara Malaysia yang mempunyai semangat patriotik, bertanggungjawab, serta sanggup mempertahankan agama, bangsa dan negara. Nilai kemanusiaan yang dipratikkan, secara langsung, akan menjadi panduan dan pedoman dalam menjalani kehidupan seharian. Ia juga akan memberi kesedaran kepada golongan masyarakat terutama masyarakat India di seluruh negara untuk sentiasa bertingkah laku positif dalam apa jua keadaan.

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian yang berjudul "Nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai mengikut perspektif teori *Tirukkural*" ini dibuat berpandukan kepada objektif-objektif berikut:-

- i. Mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* berdasarkan perspektif teori *Tirukkural*.
- ii. Menjelaskan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* berdasarkan perspektif teori *Tirukkural*.

## PERSOALAN KAJIAN

Kajian yang berjudul “Nilai Kemanusiaan dalam Kumpulan Cerpen *Tāmarai Ilaikal* karya Paavai mengikut perspektif teori *Tirukkural*” secara tinjauan ingin menjawab persoalan seperti dibawah:

- i. Apakah nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* berdasarkan perspektif teori *Tirukkural*?
- ii. Apakah unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikal* berdasarkan perspektif teori *Tirukkural*?

## KAJIAN LITERATUR

Teori *Tirukkural* yang dikemukakan oleh Tiruvalluvar dalam Bahasa Tamil sekitar 2,500 tahun dahulu terbahagi kepada tiga bahagian. *Tirukkural* merupakan salah satu karya etika yang disanjung tinggi kerana kewibawaan ajarannya yang bersifat universal dikalangan masyarakat Tamil. Karya tersebut diibaratkan sebagai pelita hidup masyarakat Tamil. Ini kerana, nilai-nilai yang diterapkan dalam *Tirukkural* dapat dijadikan sebagai prinsip hidup. Perkara tersebut dapat dilihat dengan jelas melalui kenyataan seorang sarjana barat yang bernama G.U.Pope:

... the masterpiece of Tamil literature-one of the  
highest and purest expressions of human thought...  
(Pope, 1981)

Karya *Tirukkural* diterjemahkan dalam lebih kurang lapan puluh dua bahasa termasuk bahasa Inggeris, bahasa Melayu, bahasa Rusia, bahasa Jerman, bahasa Cina dan sebagainya (Mohan Kumar, 2014). Constantine Joseph Besch, seorang paderi dari negara Itali telah menterjemahkan karya *Tirukkural* pada tahun 1730 dalam bahasa Latin (Singgam, 1977). Seterusnya pada tahun 1886 Rev.Dr.G.U.Pope pula menterjemahkan karya tersebut dalam bahasa Latin (Mohan Kumar, 2014). Keunggulan *Tirukkural* menyebabkan tiga ratus sepuluh huraian dihasilkan oleh para cendekiawan (Venggadasalam, 2003).

Teori *Tirukkural* dikemukakan oleh Pujangga bernama Tiruvalluvar. Nama Tiruvalluvar bukan nama sebenar pengarang tersebut. Sehingga kini, tidak ada satu ketepatan yang jitu dalam nama dan tempat kelahirannya. Beliau dipercayai dilahirkan di Mayilai, Tamilnadu (Soomasundaranar, 1993). Zaman Tiruvalluvar merupakan satu zaman yang kurang maju dari segi kemodenan infrastruktur. Oleh itu, sejarah kehidupan beliau tidak dicatatkan dengan menyeluruh. Tiruvalluvar merupakan seorang pemikir termasyur dunia. Kelahiran pengarang terunggul ini dikatakan sebagai unik. Manakala, kewibawaan bahasa dan sasteranya pula dikatakan luar biasa. Hal ini jelas dihuraikan dalam ungkapan Rev.Dr.G.U.Pope seperti berikut;

...Tiruvalluvar, was undoubtedly  
one of the great geniuses of the world...  
(Pope, 1981)

Zaman kewujudan penciptaan teori *Tirukkural* kurang jelas, *Tirukkural* dipercayai dikarang sekitar abad satu SM. Maramalaiyadigal (1985), menyatakan Tiruvalluvar dilahirkan pada tahun sembilan puluh lima SM. Ada juga pendapat yang menyatakan bahawa karya tersebut dikarang sekitar abad kedua masihi. Namun, para ilmuan Tamil sebulat suara menyatakan zaman Tiruvalluvar adalah pada tahun tiga puluh satu SM. Keputusan ini diambil dalam persidangan para sarjana Tamil yang terdiri daripada lima ratus tiga puluh orang yang diadakan di Pachaiappa College pada tanggal 31 March 1939. Persidangan ini dipengerusikan oleh Sarjana Tamil terulung bernama U.Vee.Saminatha Iyer (Visvanathan, 1990). Pandangan mereka diperkuatkan dengan huraian berikut;


...The work itself is believed, on fairly reasonable  
evidence, to have been return in the  
1st Century B.C. and accepted by the  
Tamil Academy of Madurai in the year 31 B.C...  
(Dias, 2003)

Zaman ini, Karya *Tirukkural* yang bersifat sejagat membawa kemakmuran dalam kehidupan seseorang manusia kerana ia mengandungi tiga elemen penting iaitu etika, kekayaan dan kesukaan. Keunggulan *Tirukkural* telah menarik perhatian sarjana Barat dan Timur sehingga mereka meluahkan perasaan dan penghayatan yang tidak terhingga terhadap karya tersebut. Bekas Perdana Menteri Malaysia Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib Tun Razak juga menyatakan *Tirukkural* adalah karya yang universal (Teks Ucapan Perdana Menteri Malaysia, Perasmian Perasmian Persidangan Tamil Antarabangsa yang Ke-sembilan, 29.01.2015 di Kuala Lumpur, Universiti Malaya).

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan kaedah kepustakaan analisis teks dan kajian lapangan serta mengaplikasikan teori *Tirukkural*. Keadah kepustakaan telah digunakan untuk menganalisis mengenai nilai kemanusiaan yang berkaitan dengan penyelidikan ini. Manakala, kaedah analisis teks digunakan untuk mengkaji dan menganalisis mengenai nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai mengikut Teori *Tirukkural*. Teori *Tirukkural* digunakan untuk mengenalpasti dan menjelaskan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai. Pemikiran-pemikiran dalam teori *Tirukkural* telah diaplikasikan dalam teks yang dikaji iaitu kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai. Kajian ini menggunakan teori *Tirukkural* kerana ia berhubung rapat dengan objektif dan persoalan yang dikaji berkaitan nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai.

Rajah :1 Reka bentuk kajian



## ANALISIS DATA DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini menjawab objektif kajian secara terperinci. Objektif pertama; mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* mengikut perspektif teori *Tirukkuraḷ*. Nilai kemanusiaan sewajarnya menjadi asas pembinaan dan pembangunan manusia. Sebenarnya, nilai kemanusiaan ialah mengenai kemuliaan dan martabat manusia dari segi Institusi kekeluargaan (*Illaraviyal*). Mengikut teori *Tirukkuraḷ* dibawah tema institusi kekeluargaan (*Illaraviyal*) mempunyai dua puluh bab yang mementingkan nilai kemanusiaan. Meskipun, 19 bab sahaja dengan menjelaskan nilai-nilai kemanusiaan dari institusi kekeluargaan (*Illaraviyal*) bermula dari bab ke-5 hingga bab ke-24. Setiap bab mempunyai 10 kuplet yang terdiri daripada 2 baris. Pengkaji telah mengenalpasti dan menjelaskan nilai-nilai kemanusiaan dengan menggunakan 19 bab yang terdiri daripada 2 baris kuplet. Jadual di bawah menunjukkan nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* mengikut Teori *Tirukkuraḷ*.

Jadual 1: Nilai-nilai kemanusiaan mengikut Teori *Tirukkuraḷ*.

Bil	Bab	Nilai- nilai (Tamil)	Maksud Nilai
1	5	<i>Ilvāḷkkai</i>	Kehidupan berkeluarga
2	6	<i>Vāḷkkait tuṇainalam</i>	Sifat baik teman hidup
3	7	<i>Makkaṭpēru</i>	Anak-pinak
4	8	<i>Anṭuṭaimai</i>	Kecintaan
5	9	<i>Viruntōmpal</i>	Sanjungan tetamu
6	10	<i>Iṅiyavai kūral</i>	Kemesraan bahasa
7	11	<i>Ceynnaṅṅriyāritai</i>	Mengenang budi
8	12	<i>Naṭuvunilaimai</i>	Ketelusan hati
9	13	<i>Aṭakkam uṭaimai</i>	Penguasaan diri sendiri
10	14	<i>Oḷukkam uṭaimai</i>	Kelakuan baik
11	16	<i>Poraiyuṭaimai</i>	Pengampunan
12	17	<i>Aḷukkārāmai</i>	Ketiadaan iri hati
13	18	<i>Vēḷkāmai</i>	Ketidaan perasaan loba
14	19	<i>Puṛaṅkūrāmai</i>	Pengelakkan perbuatan loba
15	20	<i>Payāṇila collāmai</i>	Bencana kata-kata sombong
16	21	<i>Tīviṇai accam</i>	Kegentaran perbuatan jahat
17	22	<i>Oppuravu aṛital</i>	Mengenali kepuasan hati
18	23	<i>Īkai</i>	Pemberiaan derma
19	24	<i>Pukaḷ</i>	Kemasyuran

Bahagian ini menjawab objektif kajian secara terperinci. Objektif kedua; Menjelaskan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ*. Jadual dibawah meneliti unsur-unsur pengajaran penting yang terkandung dalam cerpen yang dianalisis.

Jadual 2: Unsur-unsur pengajaran

Bil	Unsur-unsur pengajaran
1	Hidup berumah tangga harus mempunyai perasaan kasih dan sayang antara pasangan hidup.
2	Jadilah seorang anak yang bertanggungjawab
3	Kita perlu mempunyai sifat kasih sayang
4	Kita perlu menyambut tetamu dengan baik
5	Kita harus mengucapkan kata-kata yang manis pada setiap masa
6	Kita mesti mengenang budi baik seseorang
7	Kita harus bersikap adil dan saksama
8	Kita perlu memiliki sikap rendah hati
9	Kita harus berdisiplin
10	Kita perlu bersabar dalam kehidupan
11	Kita harus menjauhi diri dari sifat iri hati dan cemburu
12	Kita harus menjauhi diri dari mengumpat atau memfitnahkan orang lain
13	Kita perlu menjauhi diri dari pengucapan yang tidak berfaedah
14	Kita perlu berasa takut untuk melakukan perbuatan jahat
15	Kita patut bersikap murah hati
16	Kita perlu berusaha untuk bersedekah
17	Kita harus berusaha untuk mendapatkan kemasyuran

Secara kesimpulannya, dapatlah dinyatakan bahawa pengkaji telah menganalisis dan dapatan kajian yang diperolehi untuk menunjukkan nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai mengikut perspektif teori *Tirukkuraḷ*, Penggunaan nilai kemanusiaan dalam konteks cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai mengikut perspektif teori *Tirukkuraḷ* dan menjelaskan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ*. Setelah diteliti dan dianalisis secara terperinci, dapatlah dibuat kesimpulan bahawa sememangnya terselit nilai-nilai kemanusiaan di dalam kumpulan

cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ*. Nilai-nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* ini seakan menjadi unsur pengajaran. Unsur pengajaran dalam cerpen-cerpen ini memberi nasihat, pesanan, mesej dan panduan hidup kepada diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Pesanan dan panduan dalam cerpen-cerpen tersebut akan menggerak seseorang itu menjadi manusia yang mulia yang mampu melahirkan masyarakat yang mengamalkan nilai kemanusiaan dalam kehidupan seharian.

Unsur-unsur pengajaran utama yang dapat diperoleh daripada perbincangan ialah pengajaran yang berkaitan dengan nilai kemanusiaan kekeluargaan kerana kebanyakan cerpen tersebut berkisar pada lingkungan keluarga bagi membina rumah tangga yang bahagia. Meskipun terdapat juga cerpen membawa mesej yang bersifat negatif, namun mesej tersebut mengingatkan kita akan sempadan atau batasan perlakuan kita yang boleh menjadi pedoman kepada keluarga dan masyarakat agar mengelakkan perbuatan negatif. Keberkesanan nilai-nilai kemanusiaan ini juga dapat dilihat daripada data-data yang telah diperolehi berjaya menyatakan bahawa genre cerpen ini merupakan sebuah genre yang kaya dengan nilai kemanusiaan.

## KESIMPULAN

Pengkaji akan membincangkan mengenai nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan Cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya paavai yang berdasarkan perspektif teori *Tirukkuraḷ* menerusi kajian yang telah dijalankan. Perbincangan hasil kajian tertumpu pada aspek mengenal pasti nilai-nilai kemanusiaan, dan menjelaskan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ*. Pada akhir bab ini, terdapat beberapa cadangan yang disyorkan untuk membina dunia karya sastera agar terus bersinar menerangi dunia dalam usaha membentuk masyarakat yang berguna.

Nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai mengikut perspektif teori *Tirukkuraḷ* adalah perlu untuk mengembangkan dan meningkatkan mutu wacana tersebut. Secara tidak langsung ia dapat menaikkan taraf penggunaan nilai kemanusiaan dalam diri pembaca kumpulan cerpen. Walau bagaimanapun penggunaan nilai kemanusiaan dalam cerpen haruslah dilakukan secara berhati-hati dan mempunyai sebab, fungsi dan kesan yang tertentu terhadap perwatakan. Janganlah menggunakan nilai kemanusiaan dalam cerpen dengan sewenang-wenangnya kerana ia akan mendatangkan mudarat terhadap jalan cerita itu sendiri.

Cerpenis Paavai turut mengutarakan beberapa pengajaran dan panduan hidup kepada masyarakat India melalui pendekatan yang digunakannya untuk menyelesaikan masalah –masalah yang wujud dalam kehidupan harian seperti yang dipaparkan dalam cerpen-cerpennya. Unsur pengajaran yang berkaitan dengan diri individu, kekeluargaan dan masyarakat diselitkan dalam kumpulan cerpen yang telah dikaji. Unsur-unsur pengajaran ini ditujukan kepada pembaca, terutama pihak suami, isteri, anak dan individu. Konsep nilai dari segi pengajaran menjelaskan bahawa unsur pengajaran dalam kumpulan cerpen adalah tersurat dan tersirat tetapi mengandungi nilai kemanusiaan yang dapat membentuk keperibadian manusia. Sebenarnya, sesebuah cerpen dapat mendidik para pengkaji dan pembaca khususnya, masyarakat India supaya mengenali budaya bangsanya, mengasuh erti kemanusiaan dan menjadikannya sebagai petunjuk untuk terpuji dan dipimpin menjadi manusia yang lengkap dari segi mental dan tingkah laku. Kita harus mengakui hakikat bahawa karya sastera sesuatu bangsa itu terlahir dengan tujuan murni yang berupaya mengangkat martabat kemanusiaan. Kumpulan cerpen yang telah dikaji dapat menghidangkan unsur santapan jiwa, santapan rohani dan lamunan akal budi masyarakat India.

Hasil dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat sembilan belas unsur pengajaran dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai mengikut perspektif teori *Tirukkuraḷ*. Unsur pengajaran yang diterapkan dalam cerpen-cerpen di atas boleh dijadikan panduan dan pedoman kepada pengkaji dan pembaca, terutamanya kepada masyarakat India. Bagi melahirkan masyarakat yang bermoral dan beretika, masyarakat dan anggota keluarga hendaklah memupuk nilai kemanusiaan dan membentuk sahsiah positif dalam diri setiap individu secara tidak formal. Oleh yang demikian, pengarang Paavai menggunakan cerpen-cerpennya sebagai wadah untuk membentuk akhlak yang mulia dalam kalangan masyarakat kini yang semakin kelunturan nilai akhlak dan kemanusiaan. Cerpen dianggap wahana penting untuk menyampaikan pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat secara tidak langsung. Justeru itu, watak yang dicipta oleh pengarang boleh dilihat memiliki nilai kemanusiaan yang tinggi untuk dijadikan contoh teladan kepada para pembaca.

Secara kesimpulannya, kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai ialah cerminan masyarakat India. Cerpen-cerpen ini menyedarkan masyarakat tentang isu-isu kekeluargaan dan kehidupan seharian. Karya ini juga memberikan nilai pengajaran dan kesan yang bermakna kepada minda pembaca di samping menyampaikan didikan serta membentuk akhlak dan minda yang sihat. Nilai kemanusiaan yang terkandung dalam kumpulan cerpen dapat membuka pemikiran pembaca kepada dunia yang lebih luas yang tertimbun dengan pelbagai masalah manusia sejagat. Dalam hal ini, pembaca akan dapat menambahkan pengetahuan dan pengalaman seseorang bagi membina sifat peribadi yang sihat. Melalui kajian ini terbukti bahawa cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai akan menjadi alat didikan para pembaca supaya menjadi insan yang sempurna, seimbang dan harmoni. Jesteru itu, pengajaran cerpen seharusnya tidak diabaikan. Manfaat dalam cerpen harus digali demi kebaikan para pembaca.

Demikianlah kajian terhadap kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai mengikut perspektif teori *Tirukkuraḷ* yang meneliti aspek nilai kemanusiaan dan tujuan penggunaan nilai kemanusiaan. Bagi pengkaji, sastera ialah seni yang tertinggi. Jesturu itu, karya harus memiliki nilai kemanusiaan seperti yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai yang pengkaji meneliti supaya khalayak pembaca menjadi warganegara yang mulia. Berdasarkan perbincangan yang dilakukan dalam kajian ini, dapat disimpulkan bahawa kumpulan cerpen *Tāmarai Ilaikaḷ* karya Paavai mampu memberi kesan dalam pembentukan akhlak manusia. Melalui gambaran dan nilai kemanusiaan yang diaplikasikan oleh watak dalam cerita telah membantu masyarakat India khususnya dalam memahami nilai tersebut, seterusnya mengaplikasikan nilai yang baik dalam kehidupan mereka.

Selain pengamalan nilai kemanusiaan, masyarakat India juga dapat membezakan sesuatu perbuatan itu sama ada baik atau buruk berdasarkan tingkah laku dan nilai yang dipaparkan dalam cerpen yang dikaji. Oleh yang demikian, mereka mampu membuat keputusan untuk mengamalkan sifat positif dan menolak perlakuan negatif. Tambahan pula, cerpen-cerpen yang dipaparkan dalam kumpulan cerpen *Tamarai Ilaikal* karya Paavai juga mampu memberi tunjuk ajar kepada khususnya masyarakat India untuk membuat keputusan positif pada masa kelak. Penjelasan tersebut didapati bertepatan dengan dapatan kajian ini. Ini kerana pengkaji mendapati bahawa pembaca memahami dan mengaplikasikan nilai-nilai kemanusiaan yang dibaca dan melaksanakannya dalam kehidupan tidak kira ketika bersama keluarga, kawan mahupun berseorangan. Walaupun cerpen-cerpen tersebut tidak mungkin akan menjadi seseorang manusia itu berperwatakan sempurna, tetapi sekurang-kurangnya ia dapat mencegah nilai-nilai negatif dalam diri seseorang manusia tersebut dan boleh diaplikasikan oleh masyarakat India dalam kehidupan seharian mereka.

Pengarang karya Paavai menyampaikan mesej dan amanat melalui tulisannya. Namun, penekanan terhadap nilai terkandung dalam cerpen-cerpennya. Cerpen-cerpen ini bukan sahaja dapat memberikan nilai malah turut sama menyemai rasa minat membaca dalam kalangan masyarakat terutama masyarakat India terhadap genre cerpen ini.

## RUJUKAN

- Abdul Halim Ali. (2006). *Ikhtisar teori & kritikan sastera: Barat dan Malaysia*. Tanjung Malim: Penerbitan Profesional Baharu.
- Akilan. 2002. *Kathai Kalai*. Chennai India: Dhagam Publication.
- Ali Ahmad. (1978). *Asas menganalisa cereka*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminudin Mansor. "Pupuk nilai kemanusiaan yang semakin hilang" dalam *Utusan Malaysia* 03 Jun 2015.
- Amir Hassan Dawi. (2002). *Pentorian sosiologi dan pendidikan*. Tanjung Malim: Quantum Book.
- Ani Omar. (2006). *Nilai-nilai luhur terdapat dalam Kumpulan Puisi Jasa Ibu (JI) oleh Zainal Abdul Kadir*. Tesis falsafah kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anushea Veni. (2015). *Peranan Watak Utama dalam cerpen R.Karthigesu*. Tesis sarjana sastera. Jabatan Bahasa Tamil, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Awang Had Salleh. "Sastera dan Budaya" dalam *Berita Harian* 21 Disember 2001.
- Baakiyaletchumi. (2012). *Balamuruganin sirukathaikal vali Malaysia tamilargalin valkai*. Tesis sarjana sastera. Universiti Tamil Tanjaavoor, India.
- Dias,S.(2003). *Tirukkural (Vol 1 &2)*. Coimbatore: Ramanandha Adigalar Foundation.
- Fazurawati Che Lah. "Remaja disaran ceburi aktiviti kemanusiaan" dalam *Utusan Malaysia* 15 Januari 2018.
- Hashim Awang. (1981). *Cerita seorang seniman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hussin. (1995). *Pendidikan dan masyarakat: antara dasar, reformasi dan wawasan*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ilangkumar, S. (2009). *Kedudukan wanita dalam karya-karya kreatif M.A. Ianchelvan: Dari perspektif feminisme*. Tesis sarjana sastera. Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Jesuthas. (2010). *Cerpen karya M. Shanmugasiva: satu kajian tema dan struktur*. Tesis sarjana sastera. Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Karthees Ponniah. (2015). *Pemikiran Kritis dalam teks Tirukkural dan amalannya dalam masyarakat Tamil Malaysia*. Tesis falsafah kedoktoran. Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Krishnan Maniam. (1993). *Cerpen Tamil dan Melayu 1957-1970: Satu perbandingan tema dan struktur*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahajani, Usha. (1973). *The role of Indian minorities in Burma and Malaya*. West Port Connecticut: Green Word Press.
- Mana Sikana. (2013). *Koleksi teori sastera: Klasik, tradisional, moden, pascamoden dan tempatan*. Bandar Baru Bangi: Pustaka Karya.
- Maraimalaiyadigal. (1985). *Tirukkural araycci*. Chennai: Saiva Siddhantha Works Publishing.
- Mohamad Abdullah. "Kekukuhan jiwa kemanusiaan Malaysia" dalam *Utusan Malaysia* 19 Disember 2016.
- Mohan Kumar, C. (2014). *Amalan nilai-nilai murni yang unggul dalam karya Tirukkural. (Disertasi Doktor Falsafah)*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Mohd Faizal bin Said, (2007). *Model Modal Insan Dalam Novel-novel Remaja Pilihan*. Tesis Sarjana sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Sharani dan Zainal Madon. (2007). *Tip pandai belajar*. Kuala Lumpur: PTS Millenia.
- Mukerjee, Radhakamal, (1965). *The social structure of values*. New Delhi: S. Chand & Co.
- Murasu Nedumaran. (1997). *Malaysia Tamil Kavithaikal Kalanjiam (1887-1987). An Anthology Of Malaysian Tamil Poetry*. Klang: Arulmathiyam Publications.
- Nor Azizah binti Ahmad, (2008). *Nilai Moral dan Unsur-unsur Pengajaran Dalam Novel Saga Tiga*. Tesis Ijazah Sarjana Muda Sastera. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norita Ariffin, (2006). *Nilai Budi Masyarakat Melayu Dalam Pantun*. Tesis Sarjana sastera. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Putra Malaysia.
- Nyia See Keng. (2004). *Nilai-nilai kemanusiaan dalam sajak-sajak J.M.Aziz dan T.Alias Taib*. Tesis Sarjana sastera. Jabatan Kesusasteraan Melayu, Universiti Putra Malaysia.
- Omar Mamat. (1994). *Nilai-nilai kemanusiaan Dalam Novel Remaja*. Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Othman Puteh. (1983). *Cerpen Melayu selepas perang dunia kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Puteh. (1997). *Teks cerminan nilai budaya bangsa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Paavai. (2006). *Thamarai Ilaigal*. Chennai: Moovendar Achagam.
- Pope, G. U. (1981). *Tirukkural*. Chennai: Saiva Siddhantha Works Publishing.

- Premavathi. (2004). *Stereotaip Watak Wanita Dalam Cerpen Bahasa Tamil*. Tesis Sarjana Sastera. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Ramamurthi, M. (2010). *Sumbangan Akhbar Mingguan Sangamani Terhadap Perkembangan Kesusasteraan Tamil Malaysia (1952-1980)*. Kuala Lumpur: Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Ravindran Maraya. (2012). *Penggambaran citra wanita dalam cerpen Tamil Malaysia 1970-2010: Satu kajian berasaskan teori Arketaipal*. Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Roshani binti Abdullah, (2007). *Kajian Unsur-unsur Pembentukan Sahsia Dalam Novel Kanak-kanak*. Tesis falsafah kedoktoran. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saravanan, V. (2010). *Citra identiti budaya masyarakat India: satu pembicaraan cerpen Melayu karya cerpenis India*. Tesis falsafah kedoktoran. Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Segaran Muthapan. (2011). *Kajian tema karya V.Munian*. Tesis sarjana sastera. Jabatan Pengajian Tamil: Universiti Malaya.
- Singaravelu Sanchithanatham. (2013). *Tirukkural*. Kuala Lumpur: Uma Publications.
- Singgam, E. V. (1977). *Katavul valttu*. Singapore: EVS Enterprises.
- Siraj Mohd Zaini. "Terap nilai kemanusiaan dalam pengajaran – Maszlee" dalam *Berita Harian* 29 Ogos 2018.
- Siti Aisah Murat. (2009). *Peranan Wanita Melayu untuk Melaksanakan Modal Insan Bagi Memperkasakan Minda Kelas Pertama Menuju kepada Pembangunan Negara*. Geran Za'ba Institut Peradaban Melayu UPSI.
- Soerjono Soekonto. (1982). *Sosiologi hokum dalam masyarakat*. Jakarta: Rajawali.
- Soomasundaranar, P. (1993). *Tirukkural karuvulam*. Madurai: Rani Peddakai.
- Subramaniam, N. (1978). *Koleksi persidangan seminar cerpen Tamil Malaysia: Penggambaran masyarakat Malaysia dalam cerpen-cerpen Tamil Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Sufean Hussin. (1995). *Pengajaran nilai dalam kurikulum*. Shah Alam: Penerbitan Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Teks Ucapan Perdana Menteri Malaysia*, Perasmian Persidangan Tamil Antarabangsa yang Ke-9, 29.01.2015 di Kuala Lumpur, Universiti Malaya.
- Thirunaavukkarasu, K. T. (1977). *Tirukkural niti ilakkiyam*. Chennai: Chennai Universiti.
- Uma Devi Brabakaran. (2011). *Isu-isu semasa dalam cerpen Tamil Malaysia dari tahun 1990-2006*. Tesis sarjana sastera. Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya.
- Venggadasalam, P. (2003). *Kuralamutam*. Thiruvannamalai: Thiruvalluvar Tamil Ilakkiya Peravai.
- Visvanathan, Ki. Aa. Pe. (1990). *Valluvarum Kuralum*. Chennai: Pari Nilayam.
- Wan Mohd. Zahid Mohd. Nordin. (1993). *Ke Arah Perlaksanaan Nilai-nilai Murni Dalam KBSM: Falsafah Pendidikan Negara*. Tesis sarjana sastera. Universiti Malaya.
- Yusuf al-Qardhaw. (1997). *Towards A Sound Awakening: Renovation Religion and Promoting Life*. London: The International Institute of Islamic Thoughts.
- Zulfikli bin Zakaria. (2008). *Pembangunan Modal Insan Melalui Kumpulan Cerpen Karya Norhisham Mustafa: Suatu Analisis Watak dan Perwatakan*. Tesis ijazah Sarjana Muda Sastera dengan Kepujian. Universiti Kebangsaan Malaysia.

En. Venonair Supaya  
Pelajar, Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia  
Emel: venonair@yahoo.com

Dr. Manonmani Devi a/p M.A.R Annamalai  
Pensyarah, Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris Malaysia  
Emel: manonmanidevi@fbk.upsi.edu.my